

Headline	Bekal buluh untuk Fuwa, Fengyi		
MediaTitle	Kosmo		
Date	20 Jul 2015	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	12	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	361 cm ²
Journalist	Oleh ATIKAH DALI	AdValue	RM 9,405
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,214



Buluh madu Taiwan Kampung Kundur Hulu jadi santapan panda di Zoo Negara

Bekal buluh untuk Fuwa, Fengyi

Oleh ATIKAH DALI

REMAU - Buluh madu diuji sebelum kedatangan Taiwan yang diusahakan kedua-dua haiwan itu ke oleh seorang penduduk negara ini pada Mei tahun lalu di Kampung Kundur Hulu di Pedas dekat sini. "Saya tak sangka buluh mempunyai keistimewaan tersendiri apabila dipilih sebagai makanan bagi pasangan beruang panda gergasi, Fuwa dan Fengyi yang dibawa khas ke negara ini dari China.

Kedua-dua haiwan ini dipinjamkan kepada Malaysia menerusi Program Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi sebagai simbolik bagi memperingati ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China.

Pengusahanya, Mohamad Sharif Rasid, 57, berkata, tanaman buluh yang diusahakannya sejak 10 tahun lalu itu diperkenalkan kepada Zoo Negara untuk

diuji sebelum kedatangan kedua-dua haiwan itu ke negara ini pada Mei tahun lalu. "Saya tak sangka buluh ini menjadi pilihan Fuwa (panda jantan) dan Fengyi (panda betina). Saya difahamkan, terdapat tanaman sama dari beberapa kawasan di negeri lain turut diuji namun buluh di kampung ini yang menjadi pilihan panda berkenaan,"

katanya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut peladang itu, sebanyak 50 batang buluh yang setiap satunya seberat 30 hingga 40 kilogram dibekalkan kepada pihak Zoo Negara setiap bulan.

"Setiap minggu petugas dari Zoo Negara yang juga penjaga dua panda tersebut datang mengambil bekalan. Tidak semua buluh boleh ditebang, seba-

liknya hanya (buluh) yang berusia dua tahun dan ke atas yang sesuai diberikan kepada haiwan berkenaan," katanya.

Jelas Mohamad Sharif, dia percaya keadaan tanah gambut yang basah dan lembap di lokasi bekas sawah padi itu membawa kepada penghasilan buluh madu yang segar serta berkualiti.

Sehubungan itu, jelas beliau, pihaknya melalui Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Kampung Kundur Hulu mengikat perjanjian dengan Zoo Negara bagi membekalkan buluh kepada panda gergasi dari Chengdu, China itu selama tiga tahun bermula awal tahun ini.

"Buat masa ini saya tidak bercadang untuk meluaskan tanaman bu-

luh madu di kawasan lain kerana bimbang rasa buluh akan berubah kerana kelembapan tanah di satu-kawasan tidak sama," katanya.

Bagi menjamin kualiti yang berterusan, ladang seluas 12 hektar itu dipantau oleh Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Sementara itu, Pengerusi JKKK Kampung Kundur Hulu, Zubir Jamal berkata, selain buluh, pihaknya turut bercadang untuk memasarkan rebung buluh berkenaan sebagai bahan masakan.

"Memang ada permintaan, jadi buat permulaan kita bercadang untuk membekalkannya bagi pasaran setempat," katanya.

INFO Buluh madu Taiwan

- Nama saintifiknya *Gigantochloa albociliata*.
- Spesies buluh ini dikatakan berasal dari Thailand atau Taiwan.
- Tumbuhan tahan lasak dan sesuai ditanam di atas semua jenis tanah.
- Sifat buluh ini tidak mempunyai miang atau bulu-bulu yang boleh menyebabkan kegatalan.
- Tanaman buluh madu mula menghasilkan rebungnya setelah ditanam lebih kurang 8 bulan.
- Rebung buluh madu boleh dimakan begitu saja sebagai ulam.
- Boleh dijadikan campuran dalam masakan kari, gulai lemak cili padi atau digoreng.
- Banyak ditanam di Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu.

Sumber: buluhrebungmadupeseraibp.blogspot.com

Headline	Bekal buluh untuk Fuwa, Fengyi		
MediaTitle	Kosmo		
Date	20 Jul 2015	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	12	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	361 cm ²
Journalist	Oleh ATIKAH DALI	AdValue	RM 9,405
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,214



FUWA sedang menikmati buluh betung di Zoo Negara.



MOHAMAD SHARIF mengangkat buluh untuk dibekalkan kepada Zoo Negara sebagai makanan kepada dua panda gergasi dari China di Kampung Kundur Hulu, Rembau baru-baru ini.